

PM nasihatkan kontraktor, bumiputera jangan terlalu bergantung pada kerajaan

UM 10 OCT 1992

KAJANG 9 Okt. — Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan kontraktor binaan bumiputera supaya tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan jika ingin mencapai kejayaan yang sebenar dalam dunia pemiagaan.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka juga perlu membuktikan kejayaan masing-masing dengan bersaing secara terbuka mendapatkan kontrak daripada sektor swasta.

Katanya, selagi kontraktor bumiputera gagal bersaing secara terbuka di luar kerajaan, mereka masih tidak boleh dianggap mencapai kejayaan.

Sebagai contoh, katanya, binaan bumiputera yang berkemampuan mendapatkan kontrak binaan di lapangan swasta masih kecil kerana mereka terpaksa bersaing tanpa keistimewaan kerajaan.

“Dunia perniagaan merupa-

kan persaingan, selagi asyik bergantung kepada keistimewaan kerajaan, kita tidak boleh dianggap berjaya walaupun mendapat kontrak bernilai \$100 juta kerana ia diperolehi daripada kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan,” tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap merasmikan Kursus Khas Kontraktor Binaan Bumiputera di Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) di sini hari ini. (GAMBAR DI MUKA 2.)

Keistimewaan

Kursus anjuran Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara yang berlangsung selama 12 hari itu disertai oleh 41 kontraktor bumiputera.

Perdana Menteri juga menyifatkan segala keistimewaan yang diberikan kepada kontraktor bumiputera seperti sub-liarga dan pembayaran

pendahuluan 15 peratus untuk memulakan kerja binaan sebagai ‘tongkat’ (bantuan) untuk jangka masa tertentu dan bukan selama-lamanya.

“Sebagai bumiputera, saya malu kalau nak berjalan pakai tongkat, kerana kalau pakai tongkat kita tidak dapat berdiri sama tinggi dengan orang lain,” kata Dr. Mahathir.

Beliau berpendapat, bayaran pendahuluan 15 peratus kepada kontraktor bumiputera sebenarnya juga tidak perlu, jika mereka mempunyai hubungan yang baik dan mendapat kepercayaan dari segi kredit daripada pihak pembekal.

“Sudah 35 tahun kita merdeka, ia merupakan masa yang cukup panjang untuk kita terus memberi peluang kepada bumiputera, kita patut

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM NASIHATKAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA JANGAN BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN

UM 10 OCT 1992

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir membidas golongan kontraktor bumiputera yang tidak mengusahakan sendiri projek yang diperolehi sebaliknya memberikan kepada orang lain.

“Ada juga kontraktor yang membuat tawaran terlalu rendah semata-mata ingin mendapatkan tender dan keuntungan yang kecil untuk membayar liutang, tapi apabila dah dapat gagal melaksanakan projek dengan baik,” katanya.

Perdana Menteri seterusnya mengingatkan kontraktor bumiputera supaya bersikap amanah dan berpegang kepada janji khususnya dalam perkara yang melibatkan tugas dan pinjaman bank.

Menurut Dr. Mahathir, jika kontraktor bumiputera gagal menjelaskan hutang bank, pi-

hak bank bukan sahaja tidak memberi pinjaman kepada mereka lagi malah mungkin juga kepada rakan-rakan mereka yang lain.

“Saya mahu kontraktor bumiputera mengkaji ‘penyakit’ yang mengakibatkan mereka tidak beroleh kejayaan dan bukannya hanya menyalahkan orang lain terutamanya kerajaan dalam hal ini,” tegas beliau.

Katanya, untuk mengkaji penyakit tersebut, mereka mesti berani berterus terang dan menerima kenyataan tanpa menyalahkan pihak-pihak lain yang kononnya menyebabkan kelemahan mereka.

Mengenai kursus Khas Kontraktor Binaan Bumiputera, Dr. Mahathir mengingatkan para peserta supaya memanfaatkan sepenuhnya ilmu yang diperolehi dan tidak menyertainya semata-mata kerana mahukan sijil yang membolehkan mere-

ka memperoleh keistimewaan daripada kerajaan.

Beliau yakin jika ilmu-ilmu tersebut digunakan kontraktor bumiputera akan mampu bersaing di pasaran luar dan memperoleh kontrak-kontrak swasta.

Sementara itu ketika bercajak kepada para pemberita, Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan tidak bercadang menghapuskan segala keistimewaan yang diberikan selama ini kepada kontraktor bumiputera.

“Kita tidak menetapkan sebarang jangka masa tertentu bagi pemberian bantuan ini kepada bumiputera, cuma saya mahu mereka seberapa segera meninggalkan tabiat mengharap bantuan ini dan bersaing secara terbuka dengan orang Melayu yang berjaya dalam bidang arkitek dan kejuruteraan,” katanya.